

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Dearmakeuplover - Pit Stop Virtual Kosmetik Antarabangsa

Afifah Fadhlullah1

1Akademi Pengajian Bahasa, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Alor Gajah, Melaka.

*Koresponden: afifahfadhlullah@uitm.edu.my

Bermula dengan menjual gelang tangan yang dibuat sendiri kepada rakan-rakan di sekolah pada usia 7 tahun, Iman L'Feera Syahril Azhar mengorak langkah merealisasikan minatnya yang mendalam di dalam dunia perniagaan terutamanya kosmetik. Mesra dipanggil Feera, masih segar di ingatan gadis manis yang berusia 22 tahun ini disebabkan menjual gelang tangan kepada rakan-rakannya, beliau hampir-hampir dikenakan tindakan disiplin memandangkan sebarang aktiviti jual beli tidak dibenarkan di sekolah. Sejak kecil, beliau seolah-olah dapat menjangka bahawa dunia perniagaan kosmetik akan menjadi sebahagian daripada dirinya. Disebabkan sering membeli gincu bibir berharga RM80 semasa di Tingkatan 5 dan upah yang dikenakan oleh *personal shopper* adalah agak tinggi, beliau melihat ini adalah satu peluang besar bagi pelajar sekolah menengah sepertinya untuk menjual kosmetik di atas talian berbekalkan semangat juang yang tinggi dan usaha yang keras.

Dengan ini, lahirlah Dearmakeuplover pada hujung 2017, perniagaan kosmetik di Instagram yang menjadi hub peminat tegar kosmetik antarabangsa di Malaysia yang dijalankan secara pre-order. Disebabkan kekurangan kapital beliau hanya dapat menjual kosmetik secara pre-order dan menjadi ejen jualan memandangkan beliau memulakan perniagaan ini pada usia yang begitu muda iaitu 17 tahun. Beliau terpaksa berhenti seketika perniagaan ini apabila memasuki matrikulasi dan kembali aktif, setelah mendapat tawaran melanjutkan pengajian diploma di UiTM Alor Gajah, Melaka. Pada mulanya, kedua ibu bapa Feera tidak yakin bahawa beliau dapat mengimbangi di antara pelajaran dan perniagaan kosmetiknya, tetapi ini menjadi titik tolak bagi beliau membuktikan apa yang dibimbangi oleh kedua ibu bapanya tidak akan terjadi.


Anak kelahiran Shah Alam, Selangor yang berbilang Gemini ini, kini sedang melanjutkan pengajian Sarjana Muda di dalam jurusan Bahasa Inggeris dan Linguistik di Universiti Malaya. Tidak mudah menyerah kalah dan percaya bahawa apa yang diungkapkan kepada diri sendiri menjadi pencetus semangat, Feera bukan sahaja pelajar sepenuh masa malah merupakan pengurus media sosial bagi @Skelladesign, syarikat rekaan dalaman dan pemilik Dearmakeuplover. Walaupun aktif menjalankan kegiatan bisnes di media sosial sepanjang bergelar pelajar sejak di peringkat diploma, beliau adalah pelajar yang cemerlang dan sentiasa disenangi pensyarah dan rakan-rakan, dan ini terbukti apabila beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Naib Canselor program Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional di UiTM Alor Gajah, Melaka pada tahun 2021.

Tidak berpegang kepada sebarang falsafah perniagaan beliau sebaliknya menggunakan aplikasi "I AM" yang mendisiplinkan dirinya untuk konsisten bergerak ke hadapan serta tidak jemu mencari potensi dirinya. Setelah 3 tahun membina followers, keyakinan pelanggan terhadap produk yang dijual termasuk meraih hasil jualan yang memberangsangkan, Feera beralih kepada menjual kosmetik dan produk penjagaan kulit antarabangsa secara 'ready stock' di Shopee dan mempromosikan perniagaannya dengan seringkali memuatnaik video melalui TikTok.

Di atas kerja keras dan kesungguhan beliau untuk mengukur nama di dalam bidang ini, Feera telah menerima beberapa anugerah sebagai antara 'top agent' dengan jualan tertinggi pada tahun 2021. Beliau juga telah dihubungi oleh beberapa jenama penjagaan kulit dan kosmetik antarabangsa seperti ZarZou, Needs haircare, Selsun Blue, Hadalabo, and Hairpot untuk membuat *paid review* bagi rangkaian produk mereka berdasarkan kemahiran beliau membuat video *review* yang berkualiti tinggi di TikTok.

Mengenai perancangan masa hadapan, Feera berhasrat untuk mempunyai syarikat perniagaan kosmetik sendiri dan menjadi pengurus media sosial kerana baginya membuat video TikTok untuk mempromosikan produknya adalah sangat mengujakan. Buat masa sekarang, beliau mahu memfokuskan perniagaannya secara atas talian dan tidak memikirkan untuk beralih ke kedai secara fizikal yang memerlukan kos *overhead* yang tinggi. Nasihat beliau kepada usahawan muda yang berminat memulakan perniagaan - buka akaun; jual biskut, kosmetik, t-shirt dan apa sahaja. Tidak tahu ingin bermula di mana? Anda pasti akan tahu dengan sendirinya kerana trend datang dan pergi tetapi bisnes akan kekal. Jangan takut sekiranya ianya tidak menjadi pada awalnya kerana apa yang anda lakukan sekarang akan mencorak kehidupan anda di masa hadapan.

Pencapaian tahun 2021 - Top Sales Agent Dearmakeuplover



Sumber : <https://www.instagram.com/darmakeuplover?hl=en>



Sumber : <https://www.instagram.com/darmakeuplover?hl=en>